

PENGUNAAN JADUAL RUMUS TRANSLITERASI HURUF JAWI-RUMI DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENTERJEMAH TULISAN JAWI KEPADA RUMI

Oleh

NAIMAH BINTI SAID
nae2109@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran menterjemah tulisan jawi kepada rumi berpandukan kepada penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi. Tinjauan awal mendapati kebanyakan murid gagal menterjemah tulisan jawi dengan betul. Kajian ini menekankan penggunaan jadual rumus yang terdiri daripada padanan huruf jawi dan rumi yang mempunyai bunyi yang sama. Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid tahun empat di salah sebuah sekolah di Kuching, Sarawak. Instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian dan temu bual. Soal selidik dan pemerhatian. Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan juga analisis pola. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan oleh peserta kajian dalam menterjemah tulisan jawi kepada rumi dengan betul. Kajian ini turut membantu mengubah amalan pengajaran saya dan seterusnya membantu mengubah persepsi murid bahawa mata pelajaran Jawi bukanlah satu mata pelajaran yang sukar. Untuk cadangan kajian lanjutan, saya mencadangkan agar kaedah ini dapat diperluaskan dengan cara menggunakan jadual rumus ini untuk membentuk atau mengeja perkataan jawi. Kajian ini diharapkan dapat membantu murid-murid menterjemah tulisan jawi dengan mudah dan tepat.

Kata kunci: Jadual, rumus, transliterasi, jawi-rumi, terjemah

ABSTRACT

This research is aimed to improve the skill in translating Jawi writing/characters to normal roman character with the guidance of transliteration letters jawi-roman formula timetable. The earlier study showed that virtually all pupils failed to translate jawi writing correctly. This research emphasised the use of formula timetable which consists of the matching of both jawi and roman letters with the same sounds. The participants were two Year Four pupils in one of the schools in Kuching, Sarawak. The instruments used to collect data are the pre-test and post test, observation and interview. The data is analysed using content-analysis and **pola** analysis. The data showed significant achievement by the participants in translating the Jawi writing to roman characters correctly. This research also helped to change researcher's teaching style which consequently transforms pupils' perceptions to realise that Jawi subject is not a hard subject to tackle. For future improvement, it is hoped that this method could be promoted widely by using the formula timetable to form or spell Jawi words. It is also hoped that this research could help pupils to translate Jawi writings easily and correctly.

Keywords: timetable, formula, transliteration, jawi-roman, translate

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih opsyen Pengajian Agama yang telah menjalani praktikum fasa ketiga selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Bukit Berendam (nama samaran) yang terletak di kawasan bandar raya Kuching, Sarawak. Saya telah ditugaskan untuk mengajar subjek Pendidikan Islam bagi kelas Tahun 4 Gemilang dan 4 Terbilang. Purata bilangan murid bagi kedua-dua buah kelas yang saya ajar ialah 29 orang. Oleh kerana sekolah tersebut mengamalkan sistem 'streaming' atau menempatkan murid di dalam kelas mengikut pencapaian yang diperolehi berdasarkan kepada peperiksaan yang lalu, maka terdapat jurang yang agak ketara di antara murid-murid daripada dua buah kelas ini. Sepanjang pemerhatian saya terhadap kedua-dua buah kelas tersebut, saya dapati sebilangan besar daripada mereka mempunyai masalah dalam memahami tulisan Jawi. Menurut Khalid Bin Johari (2003), menyatakan tindakan guru dalam bilik darjah mempunyai dua kali ganda impak dalam pencapaian murid. Justeru, menjadi tanggungjawab saya menyediakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang efektif bagi mengelak murid-murid yang lemah terus ketinggalan dalam pelajaran mereka. Oleh itu, saya telah berusaha mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini dengan menjalankan kajian tindakan mengenai penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi untuk memudahkan murid-murid saya membaca dan menterjemah tulisan jawi dengan betul.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Bidang Jawi merupakan salah satu daripada empat bidang utama yang terdapat dalam subjek Pendidikan Islam. Memandangkan peruntukan masa bagi bidang Jawi untuk penggal yang pertama hanya satu waktu iaitu setengah jam seminggu, maka penguasaan murid dalam bidang Jawi agak terhad dan terbatas.

Sepanjang menjalani praktikum fasa 1, 2 dan 3, saya turut berdepan dengan masalah yang sama iaitu murid tidak dapat membaca atau menterjemah tulisan jawi dengan betul. Hal ini terbukti apabila murid-murid mengeluh apabila saya memberikan lembaran kerja dalam tulisan jawi dengan alasan mereka tidak memahami tulisan jawi dengan baik. Tambahan pula, sebilangan kecil murid saya enggan membuat latihan yang diberikan kerana beranggapan tulisan jawi sangat sukar untuk difahami. Sehubungan itu, saya cuba memikirkan faktor di sebalik masalah yang membelenggu murid saya. Menurut Boon Pong Ying, Noriati A. Rashid, & Wong Kiet Wah (2010), refleksi memberi peluang guru menganalisis diri serta menyedari tentang kekuatan dan kelemahan diri. Dengan ini, guru dapat membuat pengubahsuaian serta membaiki proses pembelajaran mereka dengan efektif.


Memandangkan saya mengajar murid Tahun 4 pada praktikum kali ini, maka saya merasakan sangat wajar saya memberikan penekanan yang khusus terhadap masalah ini untuk mengelakkan murid-murid saya daripada terus dibelenggu dengan masalah yang sama sehingga mereka ke sekolah menengah kelak. Tambahan pula Tahun 4 adalah fasa peralihan daripada tahap satu kepada tahap dua. Oleh yang demikian, sewajarnya murid telah menguasai asas-asas membaca

dan menulis jawi dengan baik sebagai persediaan kepada kemahiran yang seterusnya pada tahap dua.

Oleh kerana jawi merupakan teras yang penting dalam subjek Pendidikan Islam, murid-murid perlu menguasai tulisan dan bacaan jawi dengan baik untuk memudahkan mereka mempelajari subjek Pendidikan Islam kerana seperti yang diketahui umum semua buku teks Pendidikan Islam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dicetak dengan menggunakan tulisan jawi dan bukannya rumi atau dwibahasa. Oleh yang demikian, mahu atau tidak, murid-murid seharusnya menguasai tulisan dan bacaan jawi dengan baik untuk memastikan mereka memahami isi-isi pelajaran yang terdapat di dalam buku teks.


Isu Keprihatinan

Fokus kajian saya adalah berdasarkan kepada penggunaan jadual rumus untuk membantu memudahkan murid saya menterjemah tulisan jawi dengan betul. Oleh itu, pada minggu kedua praktikum iaitu pada 9 Februari 2012, saya telah melaksanakan ujian pengesanan awal dan pemerhatian terhadap murid-murid yang saya ajar dalam kelas 4 Terbilang dengan menjalankan aktiviti menulis semula ayat-ayat jawi pendek dengan meletakkan tanda baca pada tempat yang betul. Setiap murid diminta menyalin semula ayat-ayat jawi pendek yang telah saya sediakan pada sekeping kertas dan mereka diminta untuk meletakkan tanda baca yang betul pada ayat-ayat tersebut. Kemudian, saya menyemak hasil kerja mereka untuk mengenal pasti murid yang bermasalah dalam penguasaan bacaan tulisan jawi. Daripada pemerhatian dan ujian tersebut, dua orang murid didapati mengalami masalah yang sama di mana mereka gagal meletakkan tanda baca pada tempat yang betul disebabkan mereka tidak memahami ayat tersebut kerana ia ditulis dalam tulisan jawi. Saya menamakan dua orang murid tersebut sebagai Alia dan Puteri (bukan nama sebenar). Rajah 1 menunjukkan hasil daripada ujian pengesanan tersebut.



Rajah 1. Hasil ujian pengesanan awal bagi Alia dan Puteri

Berdasarkan kepada hasil ujian pengesanan tersebut, saya mendapati faktor utama Alia dan Puteri tidak dapat meletakkan tanda baca dengan betul adalah kerana mereka tidak dapat memahami tulisan jawi. Hal ini terbukti apabila mereka dapat meletakkan tanda baca dengan betul pada latihan yang sama namun ditulis dalam tulisan rumi. Rajah 2 menunjukkan hasil ujian yang sama dalam tulisan rumi bagi Alia dan Puteri.



Rajah 2. Hasil ujian pengesanan dalam tulisan rumi bagi Alia dan Puteri

Berdasarkan ujian yang diberikan dalam tulisan rumi, ternyata Alia dan Puteri tidak menghadapi sebarang masalah untuk meletakkan tanda baca pada tempat yang betul. Kegagalan mereka sebelum ini hanyalah disebabkan tidak dapat memahami tulisan jawi dengan baik. Menurut Amir Mohd.Rashid (1991) menyatakan bahawa tahap penguasaan kemahiran Jawi dalam kalangan pelajar adalah rendah. Ini berlaku disebabkan persaingan dengan tulisan rumi yang diajar dan digunakan dalam banyak mata pelajaran lain di sekolah. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan awal saya bahawa guru pembimbing terpaksa menggunakan tulisan dwibahasa untuk mengajar Jawi. Hal ini sedikit sebanyak mendorong kepada tahap penguasaan kemahiran Jawi yang lemah dalam kalangan murid kerana guru sentiasa memberikan alternatif dengan adanya tulisan dwibahasa dalam setiap pengajaran yang disampaikan.

Objektif Kajian

- Mengenal pasti kesan penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi terhadap pencapaian Alia dan Puteri dalam menterjemah tulisan jawi.
- Mengubah persepsi Alia dan Puteri bahawa mata pelajaran Jawi adalah satu mata pelajaran yang sukar difahami.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua soalan kajian berikut.

- Adakah penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi dapat membantu meningkatkan pencapaian Alia dan Puteri dalam menterjemah tulisan jawi?


- b) Adakah penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi dapat mengubah persepsi Alia dan Puteri bahawa mata pelajaran Jawi adalah satu mata pelajaran yang sukar?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Idea penggunaan jadual rumus transliterasi huruf jawi-rumi ini wujud apabila saya melihat hasil inovasi bahan bantu mengajar (BBM) yang dihasilkan oleh Nik Najmiah Nik Lah (2011). Beliau telah menghasilkan Kad Jadual Jawi-Rumi yang merangkumi padanan huruf jawi-rumi, huruf-huruf vokal jawi serta bunyi huruf jawi. Beliau menyatakan bahawa murid-muridnya lebih bersemangat untuk membuat latihan jawi dengan berpandukan kad jadual rumi tersebut.

Oleh itu, saya telah menghasilkan jadual rumus ini yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu huruf konsonan dan huruf vokal jawi dan penyusunannya adalah mengikut padanan huruf jawi-rumi berdasarkan kepada bunyi yang sama iaitu huruf 'ba' dipadankan dengan huruf 'b', huruf 'ta' dipadankan dengan huruf 't' dan begitulah seterusnya sehingga ke huruf terakhir iaitu huruf 'ya' dipadankan dengan huruf 'y'. Manakala untuk huruf vokal jawi iaitu huruf 'alif', 'wau' dan 'ya' pula disusun pada petak yang paling bawah untuk memudahkan Alia dan Puteri menggunakan jadual rumus ini. Rajah 3 menunjukkan Jadual Rumus Transliterasi Huruf Jawi-Rumi yang telah saya hasilkan.



Rajah 3. Jadual Rumus Transliterasi Huruf Jawi-Rumi

Pelaksanaan Tindakan

Alia dan Puteri akan menggunakan jadual ini dengan cara merujuk kepada pasangan huruf jawi-rumi yang betul seperti yang terdapat dalam jadual. Contohnya pada perkataan "كرتس", murid akan mencari pasangan huruf yang betul untuk kaf, ra, ta dan sin pada jadual rumus yang diberikan. Hasilnya murid akan mendapat kombinasi huruf 'krts'. Setelah itu, murid perlu menggunakan kaedah cuba jaya untuk meletakkan huruf vokal yang tercicir sama ada huruf 'a' atau huruf 'e'.

Hal ini terjadi kerana sistem ejaan jawi yang agak rumit dan mempunyai peraturan serta perincian yang tertentu seperti yang telah termaktub dalam sistem ejaan jawi yang disempurnakan yang mana penggunaan huruf vokal jawi iaitu alif terikat

kepada beberapa peraturan tertentu. Oleh yang demikian, saya perlu memberikan bimbingan awal untuk memudahkan Alia dan Puteri memahami konsep atau formula yang telah saya ketengahkan ini. Namun demikian, masalah ini dapat diatasi dengan mudah setelah menjalankan beberapa sesi latihan menterjemah tulisan jawi yang saya jalankan terhadap mereka berdua.

Untuk memudahkan dan tidak mengelirukan Alia dan Puteri, saya telah menyediakan sekeping kertas kosong untuk mereka membuat catatan kombinasi huruf yang mereka hasilkan seterusnya membentuk perkataan rumi yang betul dengan meletakkan vokal yang sesuai sama ada huruf 'a' dan 'e'. Setelah itu, barulah mereka melengkapkan jawapan pada lembaran yang saya telah sediakan. Pelaksanaan tindakan kajian saya ini bermula pada 4 April 2012 hingga 17 Julai 2012 di luar waktu p&p. Pelaksanaan tindakan saya dimulakan dengan memberikan Alia dan Puteri set soalan Ujian Pra yang telah saya hasilkan. Seterusnya, saya juga turut memberikan lembaran kerja kepada Alia dan Puteri bagi mengukuhkan pemahaman dan penguasaan kemahiran mereka dalam menggunakan jadual rumus yang disediakan bagi menjawab soalan jawi yang saya berikan. Jadual 1 menunjukkan rekod pengedaran lembaran kerja yang telah saya berikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Jadual 1. Rekod Pengedaran Lembaran Kerja

Bil.	Tarikh	Catatan/ lembaran kerja
1.	4 April 2012	Ujian Pra (sebelum jadual rumus diperkenalkan)
2.	5 April 2012	Latihan 1
3.	11 April 2012	Latihan 2
4.	19 April 2012	Latihan 3
5.	24 April 2012	Latihan 4
6.	25 April 2012	Latihan 5
7.	27 Jun 2012	Latihan 6
8.	17 Julai 2012	Ujian Pasca (murid sudah menghafal jadual rumus)

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian saya terdiri daripada Alia dan Puteri. Mereka dipilih berdasarkan hasil ujian pengesanan awal yang telah saya jalankan yang mana mereka mendapat markah 0 dalam ujian tersebut. Selain itu, saya memilih mereka berdua kerana mereka sememangnya tidak dapat memahami tulisan jwi dengan baik.

Etika Penyelidikan

Kajian yang saya jalankan ini mematuhi etika-etika penyelidikan yang telah digariskan. Sebelum pelaksanaan kajian ini, pihak institut telah memohon

kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah secara formal untuk membenarkan saya menjalankan kajian ini. Pihak sekolah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, saya juga telah mendapatkan persetujuan dengan menandatangani surat kebenaran dan penyertaan daripada ibu bapa dan peserta kajian yang terlibat. Peserta kajian diberitahu bahawa segala jawapan dan respon mereka tidak akan diubahsuai dan dipalsukan demi kepentingan diri saya atau pihak lain.

Teknik Mengumpul Data

a) Pemerhatian

Saya menggunakan catatan nota lapangan dan juga borang senarai semak untuk membuat pemerhatian terhadap tingkah laku, prestasi serta masalah yang dihadapi oleh Alia dan Puteri sepanjang saya menjalankan kajian tindakan ini.

b) Temu bual

Kaedah Temu bual yang saya pilih dijalankan dalam dua peringkat iaitu sebelum dan selepas penggunaan jadual rumus tersebut dan dilakukan secara semi-berstruktur. Perbualan tersebut saya rekodkan dalam bentuk catatan seterusnya dipersembahkan dalam bentuk transkrip perbualan bagi memudahkan penganalisan data dibuat.

c) Ujian

Kaedah ujian yang saya gunakan ialah Ujian Pra dan Ujian Pasca. Set soalan ujian ini adalah sama dan tidak terdapat sebarang perubahan yang dilakukan bagi mengenal pasti pencapaian yang ditunjukkan oleh Alia dan Puteri.

Teknik Menganalisis Data

a) Analisis Data Temu bual

Saya membaca transkrip perbualan yang telah dicatatkan berulang kali untuk mengenal pasti tema yang berkaitan. Hasilnya saya mendapati terdapat dua aspek yang telah dikenal pasti dari sudut persepsi murid iaitu tahap kesukaran dan motivasi murid. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis data temu bual bagi Puteri.

Jadual 3. Analisis perbandingan data temu bual bagi Puteri

TEMA (PERSEPSI MURID)	SEBELUM	SELEPAS
Tahap kesukaran	<p>“susah la cikgu. Saya sik faham pun apa yang cikgu ajar..”</p> <p>“dah la susah..saya sik faham pun tulisan jawi dalam buku teks tu.”</p>	<p>“senang la cikgu..hehe..saya dah boleh baca jawi sekarang ni.macam sik caya jak cikgu. Dulu saya langsung sik tauk nak eja jawi..”</p>
Motivasi murid	<p>“malas la saya nak belajar jawi cikgu (sambil tersenyum)..saya sik minat la cikgu..”</p> <p>“boleh la juga cikgu..saya</p>	<p>“Ya ka cikgu? Kawan-kawan saya semua hairan tengok saya dah boleh baca jawi . best la cikgu..patut dari tahun 1 lagi cikgu ajar</p>

pun nak pandai macam yang **saya**. Mesti saya dah pandai
lain juga” **sekarang ni”**

b) Analisis Data Pemerhatian

Saya membaca catatan nota lapangan berulang kali dan melabelkan perkara penting dalam tema. Tema seperti kefahaman dan hafalan murid dapat dikenal pasti. Jadual 2 menunjukkan hasil analisis data catatan nota lapangan bagi Alia.

Jadual 2. Analisis data catatan nota lapangan bagi Alia

Bil	Tema	5 April 2012	25 April 2012
1.	Pemahaman murid	Alia cuba menggunakan jadual rumus yang saya sediakan untuk menyiapkan latihan yang diberikan. Alia menghadapi masalah untuk perkataan tertentu yang melibatkan vokal ‘a’ dan ‘e’ contohnya perkataan قشغ menjadi ‘ptng’berdasarkan kepada rujukan yang dibuat pada jadual rumus.	Alia tidak lagi berdepan dengan masalah keciciran vokal dan boleh menyiapkan latihan tanpa sebarang masalah.
2.	Hafalan murid	Alia juga kelihatan bersungguh-sungguh menyiapkan latihan dengan menggunakan jadual rumus sepenuhnya.	Alia sudah boleh menghafal kebanyakan huruf. Alia hanya merujuk jadual untuk huruf-huruf yang jarang digunakan seperti ga dan nga

c) Analisis data Ujian Pra dan Ujian Pasca

Hasil dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca yang telah dijalankan dianalisis seterusnya dipersembahkan dalam bentuk jadual. Jadual 4 menunjukkan perbandingan pencapaian Alia dan Puteri dalam ujian pra dan ujian pasca.

Jadual 4. Perbandingan markah Alia dan Puteri dalam ujian pra dan ujian pasca

Peserta	Ujian pra(%)	Gred	Ujian pasca(%)	Gred
Alia	10	E	100	A
Puteri	6	E	100	A

Berdasarkan perbandingan markah Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam Jadual 4, Alia dan Puteri telah menunjukkan peningkatan markah yang amat ketara. Ini lebih membanggakan apabila kedua-dua mereka mendapat markah penuh iaitu 100%.

Peningkatan ini amat memuaskan dan menunjukkan bahawa mereka dapat menterjemah tulisan jawi dengan betul dan tidak berdepan dengan sebarang masalah berkaitan isu ini lagi. peserta kajian dapat menyambung huruf-huruf tunggal jawi dengan baik

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Kesan Penggunaan Jadual Rumus Transliterasi Huruf Jawi-Rumi Terhadap Pencapaian Murid dalam Menterjemah Tulisan Jawi

Dalam kajian ini, kesan penggunaan Jadual Rumus terhadap pencapaian Alia dan Puteri telah dikenal pasti melalui Ujian Pra dan Ujian Pasca. Hasil keseluruhan kajian mendapati penggunaan Jadual Rumus tersebut terhadap pencapaian Alia dan Puteri dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa sehinggalah ujian akhir atau Ujian Pasca diberikan kepada mereka. Selain itu, kebolehan Alia dan Puteri dalam memahami tulisan jawi dapat ditingkatkan. Hal ini kerana mereka tidak perlu lagi merujuk kepada jadual yang saya berikan sepenuhnya dalam menterjemah tulisan jawi.

Berdasarkan pemerhatian, saya dapati bahawa Alia dan Puteri masih mampu dibimbing untuk memahami tulisan jawi dengan baik berpandukan penggunaan jadual rumus walaupun mereka murid yang sangat lemah dalam mata pelajaran Jawi. Saya sedar bahawa mereka perlu didedahkan dengan pendekatan dan kaedah yang bertepatan dengan kemahiran dan kemampuan mereka seperti yang telah dinyatakan oleh Gardner (1970) dalam Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan & Suppiah Nachippan 2008). Pada masa yang sama, Alia dan Puteri lebih bermotivasi untuk melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran berlangsung berbanding sebelum saya memperkenalkan kaedah ini. Hal ini kerana selepas mereka berjaya menguasai penggunaan jadual rumus, mereka sekurang-kurangnya mampu menyelesaikan latihan yang diberikan atas kemampuan mereka sendiri seperti mana rakan-rakan mereka yang lain.

Kesan Penggunaan Jadual Rumus Transliterasi Huruf Jawi-Rumi dalam Mengubah Persepsi Alia Dan Puteri Bahawa Mata Pelajaran Jawi Bukanlah Satu Mata Pelajaran Yang Sukar Difahami

Dalam kajian yang telah saya jalankan, kesan penggunaan kaedah ini dalam mengubah persepsi murid dinilai berdasarkan kepada temu bual yang saya jalankan kepada Alia dan Puteri sebelum dan selepas penggunaan jadual rumus tersebut. Pada mulanya, Alia dan Puteri berpendapat bahawa Jawi merupakan satu mata pelajaran yang sukar namun setelah saya memperkenalkan jadual rumus tersebut, ternyata persepsi mereka berubah sama sekali. Malahan mereka sentiasa menunjukkan minat dan kesungguhan yang tinggi dalam menyiapkan latihan-latihan yang saya berikan.

Dalam situasi Alia dan Puteri, mereka sebenarnya bukanlah murid yang lemah sebaliknya memerlukan bimbingan yang khusus daripada guru itu sendiri. Buktinya, setelah diperkenalkan dengan penggunaan jadual rumus tersebut, ternyata pencapaian mereka dapat ditingkatkan serta persepsi mereka berkaitan Jawi sebagai mata pelajaran yang sukar dapat dibuang. Selain itu, mereka menganggap Jawi satu mata pelajaran yang sangat mudah setelah menggunakan jadual rumus

tersebut malahan mereka juga berjaya menghafal jadual rumus tersebut secara keseluruhannya.

Refleksi Penilaian tindakan

Kajian yang saya jalankan ini sememangnya mendatangkan hasil yang dapat memotivasikan diri saya untuk berusaha lebih kuat dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid saya kelak. Masalah penguasaan murid dalam bidang Jawi bukanlah perkara yang asing bagi kebanyakan guru Pendidikan Islam di negara ini malahan ia dilihat sebagai satu fenomena yang biasa dan guru hanya menerima tanpa berusaha untuk mengatasi masalah tersebut. Menyedari betapa pentingnya penguasaan bidang Jawi dalam kalangan murid, maka saya merasakan menjadi tanggungjawab saya untuk mencari dan memikirkan satu kaedah yang mudah dan ringkas namun dalam masa yang sama mendatangkan manfaat dan input pada tahap yang maksima kepada murid saya.

Penggunaan jadual rumus yang telah saya perkenalkan dalam kajian ini sememangnya berjaya meningkatkan penguasaan Alia dan Puteri dalam menterjemah tulisan jawi. Selain itu, mereka juga mula menunjukkan minat dan penglibatan dalam kelas semasa saya mengajar Jawi. Hal ini sedikit sebanyak telah membuka minda mereka bahawa Jawi bukanlah satu mata pelajaran yang sukar, sebaliknya ia bergantung kepada diri guru itu sendiri sama ada ingin mengambil inisiatif bagi memberi pemahaman kepada murid atau hanya sekadar mengajar tanpa mempedulikan pemahaman murid tersebut.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Selaku bakal guru, saya akui kajian ini banyak membantu saya dalam melengkapkan diri dengan nilai-nilai keguruan dan profesionalisme sebagai seorang guru. Aspek utama yang saya kenal pasti adalah dari sudut keprihatinan saya sendiri sebagai guru dalam menilai dan meneroka masalah yang dihadapi oleh murid. Melalui kajian ini, tidak dapat dinafikan keprihatinan guru memainkan peranan utama dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid. (Fuller 1969, dalam Boon Yoon Ping et. al 2010) menyatakan bahawa keprihatinan guru itu terbahagi kepada tiga peringkat utama iaitu keprihatinan terhadap diri sendiri, tugas dan juga impak. Menyedari betapa pentingnya aspek keprihatinan guru ini lah saya berusaha untuk menambah baik amalan pengajaran saya sekaligus membantu murid saya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Antara lain, saya juga sedar bahawa menjadi seorang guru bukan hanya sekadar mengajar semata-mata malahan guru perlu merancang sesi pembelajaran yang menyeronokkan dan melibatkan penglibatan murid secara aktif dan menyeluruh bermula dari awal hingga lah ke akhir sesi pembelajaran. Oleh itu, saya seharusnya bijak memilih pendekatan dan kaedah yang pelbagai bersesuaian dengan minat dan penerimaan murid. Saya akui kreativiti perlu ada dalam diri seorang guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Hal ini berkait rapat dengan motivasi untuk belajar dalam diri murid itu sendiri seperti yang dinyatakan (Yong dan Biraimah 1996, dalam Ahmad Mohd Salleh 2004) menyatakan seorang guru yang kreatif akan bertindak sebagai pemberi motivasi dalam pembelajaran bagi murid yang diajar.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Berdasarkan kepada kejayaan yang diperolehi oleh Alia dan Puteri, maka saya berhasrat untuk mengekalkan kaedah penggunaan jadual rumus ini terhadap murid lain yang akan saya ajar kelak. Antara lain, saya juga bercadang untuk menyediakan jadual rumus ini dalam bentuk 'poket' berbeza dengan sebelum ini yang mana ia berbentuk kertas A4 dan sukar untuk dijaga. Rasional di sebalik cadangan ini adalah untuk membolehkan murid saya melekatkan jadual tersebut dalam buku latihan mereka agar mereka mudah membuat rujukan setiap kali ingin menyiapkan latihan Jawi.

Selain itu, saya juga bercadang untuk meluaskan lagi penggunaan jadual rumus ini dengan cara membantu murid untuk membentuk atau mengeja perkataan jawi berdasarkan kepada penggunaan jadual rumus tersebut. Walaupun agak sukar, namun saya yakin dengan sedikit usaha dan tips-tips penting, mereka akan berjaya memanfaatkan jadual ini sebaiknya sama ada menterjemah tulisan jawi kepada rumi mahupun sebaliknya.

Akhir sekali, diharapkan cadangan ini akan memberi ruang kepada penyelidik lain supaya dapat melakukan penyelidikan yang lebih bermakna.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Suppiah Nachippan (2008). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur, Oxford Fajar sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd. Salleh (2004). *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Boon Pong Ying, Noriati A. Rashid, & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- Khalid bin Johari. (2003). *Penyelidikan dalam pendidikan : Konsep dan prosedur*. Selangor Darul Ehsan: Pearson Malaysia.
- Nik Najmiah Nik Lah (2011). *Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Kangar: Red Frame Multimedia Sdn. Bhd